



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 29 JULAI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM136.72 JUTA MODENKAN PERTANIAN, NASIONAL, BH -25	LAIN-LAIN
2.	EKONOMI AYAM - MESTI ADA COMMON-SENSE, MAKE SENSE, ASTRO AWANI - ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	25

RM136.72 juta modenkan pertanian

Sejumlah RM136.72 juta diperuntukkan kerajaan negeri bagi pelaksanaan program serta projek pemodenan pertanian di Selangor sejak 2018 hingga kini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam dan Pemodenan Pertanian & Industri Asas Tani Selangor, Izham Hashim, berkata peruntukan itu membabitkan pemodenan pertanian bagi tanaman padi, kebun kelapa, kebun kelapa sawit dan tanaman sayur-sayuran.

“Daripada jumlah itu, peruntukan bagi Pemodenan Pertanian Anjung Utara adalah sebanyak RM52.55 juta yang merangkumi projek pertanian moden dan insentif berbentuk peralatan serta input pertanian,” katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Mohd Imran Tamrin (BN-Sungai Panjang) mengenai pemodenan pertanian di anjung utara Selangor.

Mengulas lanjut, Izham berkata, insentif berkaitan penanaman padi itu meliputi pemberian benih padi, baja organik serta profil tanah sawah bagi mengenal pasti tahap kesuburan tanah. +

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

[KOLUMNIS] Ekonomi Ayam - Mesti ada 'common-sense, make sense'



Jika Self Sufficiency Level untuk ayam berada pada 104 peratus, iaitu bekalan melebihi permintaan, kenapa perlu untuk mengimport ayam, soal penulis.

MENURUT laporan The Edge Markets pada 25 Julai 2022, data oleh United Nation Food & Agriculture Organisation menunjukkan bahawa harga makanan global telah meningkat sebanyak 65% sejak bermulanya pandemik Covid-19.

Tambahan pula, sejak bermulanya peperangan Russia-Ukraine pada tahun ini, harga makanan global telah meningkat lagi sebanyak 12%. Krisis Russia-Ukraine ini telah menambah-buruk gangguan kepada rantai bekalan makanan, melonjakkan harga sumber tenaga serta meningkatkan harga baja dan kos pengangkutan.

Malaysia juga tidak terkecuali dari menerima kesan isu global ini. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan bahawa Indeks Harga Pengguna untuk Jun 2022 bagi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol telah meningkat sebanyak 6.1%. Trend peningkatan ini berterusan dari Mei 2022 (5.2%) dan April 2022 (4.1%).

Antara isu utama yang melanda Malaysia baru-baru ini ialah bekalan ayam yang berkurangan serta harga ayam yang meningkat. Kerajaan Malaysia terpaksa mengambil beberapa langkah yang drastik untuk memastikan keperluan domestik mencukupi, termasuklah menghentikan eksport ayam dan memansuhkan permit import ayam. Langkah drastik tersebut di ambil memandangkan ayam merupakan sumber protein utama rakyat Malaysia.

Mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pada tahun 2019, jumlah consumption tahunan ayam di Malaysia ialah 50.9 kg per kapita, berbanding dengan daging lembu (5.4 kg per kapita) dan daging kambing (1.1 kg per kapita). Malah consumption tahunan ayam Malaysia jauh lebih tinggi berbanding negara-negara jiran: Indonesia (8kg per kapita), Filipina (14kg per kapita), Vietnam (17kg per kapita) dan Singapura (36 kg per kapita). Rakyat Malaysia banyak makan ayam!

Oleh kerana itu, ayam memiliki wajaran/ weightage yang besar di dalam Indeks Harga Pengguna untuk sub-kumpulan daging iaitu 46.1%. Pada masa yang sama, wajaran/ weightage di dalam Indeks Harga Pengguna untuk kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol adalah 29.5%. Ini bermakna harga ayam memberi impak yang agak signifikan kepada Indeks Harga Pengguna.

Seterusnya, ianya akan memberi kesan kepada perbelanjaan isi-rumah. Mengikut Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), purata perbelanjaan bulanan penggunaan isi rumah untuk kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol adalah sebanyak 17.3%. Ini adalah perbelanjaan isi rumah kedua terbesar selepas kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (23.6%).

Dengan kata lain, lebih satu per enam perbelanjaan bulanan rakyat adalah untuk makanan dan minuman. Sekiranya harga makanan terus meningkat, rakyat terpaksa berbelanja lebih untuk

makanan, dan akan mengurangkan perbelanjaan untuk perkara-perkara lain. Akhirnya, ini akan memberi kesan negatif kepada agenda pemulihan ekonomi negara pasca pandemik Covid-19.

Pada 26 Julai 2022, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiandee telah menyatakan bahawa tindakan kerajaan telah berjaya menstabilkan bekalan serta harga ayam di pasaran. Secara keseluruhan, kerajaan telah memberi subsidi sejumlah RM 1.1 billion kepada penternak ayam dan telur. Pada masa yang sama, hasil perbincangan dengan penternak ayam, kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan harga siling ayam dari RM 8.90/kg kepada RM 9.40/ kg. Kadar baru ini dipilih sebagai win-win untuk mengimbangi antara kemampuan pengguna untuk membeli (affordability) dan kemampuan penternak untuk membekal (availability).

Setakat ini, kerajaan telah berjaya meredakan krisis ayam yang melanda negara. Pengguna dapat akses kepada bekalan ayam yang mencukupi, dan pada harga mampu-beli. Pengeluar ayam pula dapat terus menyediakan bekalan ayam dan menjual pada harga yang tidak merugikan. Namun begitu, langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan adalah bersifat jangka pendek dan tidak menjurus kepada sumber isu yang di hadapi. Umpama merawat simptom, dan tidak kepada punca penyakit.

Pada 23 Julai 2022, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah menyatakan bahawa Self Sufficiency Level (SSL) untuk ayam di Malaysia ialah 104%. Ini bermakna pengeluaran ayam melebihi permintaan ayam dalam negara. Justeru itu, isu yang dihadapi bukanlah kapasiti untuk membekal ayam yang mencukupi untuk pasaran tempatan. Tetapi isu yang di hadapi oleh penternak ayam ialah untuk membekalkan ayam pada kos yang berpatutan dan menjual pada harga mampu-beli oleh pengguna serta di bawah harga siling yang di tetapkan oleh kerajaan. Pandemik Covid-19 dan konflik Russia-Ukraine telah menyebabkan kos menternak ayam di Malaysia telah meningkat dengan ketara kerana kebergantungan yang amat tinggi terhadap makanan/ dedak ayam yang di import. Walaupun kerajaan telah berusaha untuk mengurangkan kebergantungan ini menerusi pelbagai inisiatif sejak sekian lama, namun masih belum berjaya sehingga kini.

Situasi yang sama juga dengan jumlah import makanan Malaysia. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pada tahun 2020, jumlah import makanan Malaysia ialah RM 55.5 billion, berbanding eksport makanan sebanyak RM 33.8 billion. Mengikut Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, jumlah import makanan negara terus meningkat pada kadar purata 4.1 peratus setahun daripada RM45.3 billion pada 2015 kepada RM55.4 billion pada tahun 2020. Ini jelas membuktikan bahawa dasar kerajaan masih belum berjaya untuk menambah-baik agenda keselamatan makanan negara.

Kerajaan harus segera melaksanakan pelan penyelesaian jangka panjang yang kukuh dan mampan untuk mengukuhkan agenda keselamatan makanan negara. Apa jua pelan yang dilaksanakan akan mengambil masa untuk membuahkan hasil. Kebergantungan tinggi kepada import makanan bermakna rakyat Malaysia akan terus terkesan dengan situasi bekalan makanan antarabangsa untuk jangka masa panjang. Penyusutan nilai Ringgit ketika ini juga memburukkan lagi situasi. Oleh yang demikian, jangan buang masa. Act now! Execute well!

Pelan penyelesaian yang dilaksanakan mestilah ada unsur *common-sense* dan *make-sense*. Jika tidak, pelan tersebut bakal gagal dan akan memberi kesan negatif kepada pembangunan ekonomi negara.

Pada 22 Julai 2022, Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi, Tan Sri Noh Omar di laporkan menyatakan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi menerusi CoopMart dijangka akan mula mengimport ayam beku bermula September 2022. Ini bertujuan untuk

memastikan bekalan ayam mencukupi dan membantu menyelesaikan kenaikan harga ayam di pasaran. Persoalan-nya, adakah ini *make-sense*? Jika Self Sufficiency Level (SSL) untuk ayam berada pada 104%, iaitu bekalan melebihi permintaan, kenapa perlu untuk mengimport ayam?

Oleh kerana lebih bekalan ayam, Malaysia mengeksport ayam ke beberapa negara, termasuklah Singapura dan Thailand. Pada tahun 2021, Malaysia telah mengeksport sebanyak 47 juta ekor ayam hidup. Namun begitu, bermula 1 Jun 2022, kerajaan telah menghentikan eksport ayam untuk menstabilkan bekalan serta harga ayam di Malaysia. Singapura amat terkesan dengan tindakan Kerajaan Malaysia tersebut kerana 34% daripada keperluan ayam Singapura adalah import dari Malaysia. Singapura mengimport sebanyak 46 juta ekor ayam setahun (3.8 juta sebulan) dari Malaysia, iaitu 97% dari jumlah eksport ayam Malaysia. Seterusnya, Singapura dengan segera telah memberi akreditasi kepada Indonesia dan telah mula mengimport ayam dari Indonesia. Sebelum ini, Singapura tidak pernah mengimport ayam dari Indonesia!

Memandangkan Singapura merupakan negara pengimport ayam Malaysia terbesar, adalah *common-sense* untuk Malaysia melindungi perdagangan ayam ini dengan sedaya-upaya agar tidak jatuh kepada negara lain seperti Indonesia. Mengikut laporan media massa, pada tahun ini, Indonesia di jangka mempunyai lebih kapasiti sebanyak 900 juta ekor ayam. Ini bermakna Indonesia mampu untuk menggantikan Malaysia bagi memenuhi keperluan ayam Singapura. Akibatnya, penternak ayam Malaysia, terutamanya penternak kecil dan sederhana, akan mengalami kesukaran untuk mengeksport ayam dan mungkin terpaksa mengecilkan operasi serta mengurangkan tenaga kerja. Justeru itu, *make-sense* untuk kerajaan segera mengkaji penghentian eksport ayam agar pembangunan ekonomi negara terus berdaya maju.

Menurut laporan The Edge Markets tersebut, Morgan Stanley Research berpendapat bahawa harga makanan global yang telah meningkat sebanyak 65% dalam jangka masa dua tahun lepas, akan mencapai kemuncak pada tahun ini, dan mula menurun pada tahun 2023. Ini bersandarkan faktor seperti peningkatan hasil oleh petani, cuaca yang lebih baik serta pengurangan konflik Russia-Ukraine.

Namun begitu, oleh kerana kebergantungan tinggi Malaysia kepada import makanan, bahan makanan haiwan, input pertanian seperti baja dan racun, pergerakan harga global yang tidak menentu akan terus memberi impak besar kepada rakyat. Justeru itu, kerajaan wajar menyediakan pelan pemulihan ekonomi yang bersepadu dan mampan untuk menjamin agenda keselamatan makanan negara. *It has to be based on common-sense and make-sense.*